



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **SABAH TUAN RUMAH SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026**

**LABUAN**, 16 Ogos 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan melaksanakan **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 di Sabah**. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang ketika menyempurnakan **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan dan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan**, di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa, hari ini.

Sambutan Minggu Perpaduan adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarluas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Sambutan ini menjadi saluran memperkuuhkan akar perpaduan di samping mewujudkan tapak integrasi yang akhirnya mewujudkan satu ekosistem perpaduan yang baik.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah negeri yang menempatkan kepelbagaian budaya, agama dan kaum dengan penuh harmoni dan keamanan. Melalui Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021, Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan skor tertinggi negara iaitu 9.29, menandakan tahap kebahagiaan yang sangat tinggi dalam kalangan penduduknya.”

Tambah beliau, sebagai usaha memperkuuh hubungan sosial dan perpaduan di peringkat komuniti, KPN melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan **37 Kawasan Rukun Tetangga di seluruh Labuan**.

YB Datuk Aaron turut memaklumkan bahawa tahun ini KRT telah genap **50 tahun penubuhannya**. Sepanjang tempoh tersebut, KRT telah memberikan sumbangan besar dalam pelbagai aspek bermula daripada rondaan keselamatan, pembinaan komuniti, pengukuhan semangat kejiranan sehingga usaha memperkuuh perpaduan negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan sepanjang sambutan ini seperti pameran Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga, Persembahan Malam Budaya, Pameran Pendidikan Awal Kanak-kanak, *Unity Fun Run Walk*, Pameran dan Jualan Ekonomi Rukun Tetangga serta Pameran Reruai Jabatan dan Agensi Kerajaan.

Kementerian Perpaduan Negara

16 Ogos 2025

KPN.100-9/1/16 (64)